

Perkembangan struktur berskala kecil dalam batuan Ahli Gersik Formasi Setul di Pulau Tuba, Kepulauan Langkawi

Ibrahim Abdullah, Jabatan Geologi, Universiti Kebangsaan Malaysia

Kajian pada struktur-struktur berskala kecil mendapati batuan Ahli Gersik Formasi Setul di kawasan Pulau Tuba telah mengalami tiga kali canggaan yang masing-masing dapat dikaitkan dengan tiga fasa perlipatan. Canggaan pertama yang menerbitkan lipatan isoklin hingga rebah dengan paksi menunjam ke arah hampir utara, telah menyebabkan terbentuknya struktur-struktur lain seperti 'boudinage', lipatan minor, ira sabak dan ira retakan. Pada peringkat akhir fasa canggaan pertama terbentuk telerang kuarza yang selari dengan satah ira sabak. Canggaan kedua yang menyebabkan pembentukan lipatan tak simetri dengan paksi menunjam ke arah hampir 80° turut mempengaruhi pembentukan struktur di sini. Struktur seperti lipatan pada telerang kuarza, lipatan minor, ira kerdut, jalur kercau dan jalur ricih terbentuk semasa canggaan tersebut. Pada peringkat akhir canggaan kedua ini terbentuk lagi telerang kuarza yang memotong ira sabak dan juga telerang yang terbentuk semasa canggaan yang pertama. Canggaan yang ketiga menyebabkan paksi lipatan minor generasi pertama dan

kedua turut terlipat semula dengan arah paksi juga hampir ke utara. Pada fasa canggaan ini juga sekali lagi terbentuk ira kerdut, lipatan pada telerang kuarza dan jalur ricih dengan kedudukan yang berbeza daripada yang terbentuk semasa canggaan yang kedua.
